

Kesedaran Orang Asli dapat vaksin meningkat



Henry melihat penduduk yang juga orang kurang upaya (OKU) menerima suntikan vaksin di rumahnya di Kampung Orang Asli Bukit Payung, Alor Gajah, semalam.

(Foto Nuraliawati Sabri/BH)

Berita HARIAN (07/07/2021) M15 14

36,383 setuju terima suntikan, 9,163 sudah dapat dos pertama

Oleh Nuraliawati Sabri
bhnews@bh.com.my

Alor Gajah: Kesedaran masyarakat Orang Asli untuk mendapatkan suntikan vaksin merekodkan peningkatan apabila se-

ramai 36,383 orang sudah menyatakan persetujuan terbabit dalam program vaksinasi di seluruh negara, setakat ini.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar (KPLB), Datuk Henry Sum Agong, berkata sebelum ini pihaknya hanya merekodkan 26,469 Orang Asli yang mahu terbabit dalam program imunisasi.

Beliau berkata, daripada jumlah itu, seramai 9,163 Orang Asli di seluruh negara sudah menerima suntikan dos pertama, manakala 1, 882 orang lagi sudah melengkapkan dos kedua.

“Usaha peningkatan kesedaran supaya Orang Asli mendapatkan perlindungan vaksin yang dilakukan Tok Batin dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), semakin berhasil apabila jumlahnya semakin bertambah kini.

“Sebenarnya keseluruhan Orang Asli yang layak divaksin seramai 144,180 orang daripada 853 kampung di Semenanjung dan setakat hari ini (semalam), 36,383 setuju untuk disuntik,” katanya pada sidang media selepas meninjau proses vaksinasi di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Ber-

gerak MARA Liner di Kampung Orang Asli Bukit Payung, di sini semalam.

Seramai 314 penduduk kampung itu menerima suntikan vaksin dos pertama jenis Sinovac melalui PPV Bergerak MARA Liner yang diadakan di kampung itu semalam.

Henry berkata, prestasi direkodkan itu agak baik dan pihaknya akan terus berusaha memastikan lebih ramai Orang Asli yang layak bersetuju menerima vaksin COVID-19 selepas ini.

“Pada masa sama, kita akan

mengadakan lawatan ‘outreach’ ke rumah dan kampung untuk memastikan seluruh masyarakat luar bandar khususnya Orang Asli menerima vaksin.

“Kita juga akan memastikan semua tempat terpencil yang belum dikunjungi Kementerian Kesihatan (KKM) akan mendapat perhatian,” katanya

Sementara itu, Tok Batin Kampung Orang Asli Bukit Payung, Nur Isjemei Ismail, berkata tanggapan dan penerimaan masyarakat mula berubah selepas dia menerima suntikan vaksin pada hujung bulan lalu.